

**Beri kepercayaan kepada calon BN  
Utusan Online  
05 Mac, 2012  
Oleh HUSSAINI AMRAN**

KUALA LUMPUR 4 Mac - Pengundi di Parlimen Seputeh perlu memberi kepercayaan kepada calon Barisan Nasional (BN) untuk mewakili mereka pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti.

Ketua UMNO Bahagian Seputeh, Datuk Mustapa Kamal Mohd. Yusoff berkata, hanya BN yang mampu mentadbir kawasan Parlimen tersebut dengan cemerlang.

Menurut beliau, BN juga tidak pernah mengabaikan kebajikan masyarakat di Parlimen Seputeh walaupun majoriti pengundi memilih calon DAP, Teresa Kok pada Pilihan Raya Umum Ke-12 lalu.

"Saya harap kesemua pengundi di Seputeh sedar bahawa tiada apa yang dapat dilakukan oleh Teresa bagi membantu mereka. Beliau cuma berminat untuk memancing undi sahaja.

"Berbeza dengan pembangkang, BN tidak pernah mengabaikan kebajikan rakyat, malah meletakkan ia sebagai satu keutamaan dalam setiap program yang dianjurkan," jelasnya selepas merasmikan Program Jom Servis Motor anjuran Pemuda BN Parlimen Seputeh di Taman Danau Desa di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Pemuda UMNO Bahagian Seputeh, Mohd. Razlan Muhammad Rafii.

Program berkenaan mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai dan kira-kira 400 motosikal diselenggara secara percuma mulai pukul 10 pagi hingga 6 petang.

Sementara itu, Mohd. Razlan berkata, Teresa diminta berhenti mengaburi mata rakyat dengan mengungkit tentang subsidi air oleh Kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor.

"Baru-baru ini Teresa mendakwa pemberian subsidi air berkenaan sebagai punca pengundi tidak memilih BN. Subsidi air sebanyak 20 meter padu sebulan itu terlalu sedikit berbanding pelbagai bantuan yang disumbangkan kerajaan BN kepada rakyat," katanya.

Justeru beliau memberitahu, masyarakat di Parlimen Seputeh seharusnya membuka mata dan menilai semula prestasi Teresa yang dilihat lebih pandai bercakap daripada bekerja sejak dipilih mewakili mereka.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0305&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0305&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm)